



PENERIMA.... Dr Jualang ( lima kiri) bersama penerima APC dan Jasa Bakti PPIB UMSKAL kelmarin.

## Dua warga PPIB UMSKAL terima APC 2017

NST 8.9.18 8

LABUAN : Dua warga Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017.

Mereka ialah Guru Bahasa, Nur Shafiekah Sapan dan kakitangan, Norfaizah Wahid.

Manakala dua pensyarah, Henry Bating dan Soon Chiow Thai menerima Jasa Bakti (10 Tahun).

Majlis penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Dekan PPIB, Prof Madya Dr Jualang@Azlan Abdullah Gansau di Bilik Mesyuarat PPIB, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), PPIB, Dr Azri Ibrahim, Penolong Pendaftar Kanan PPIB, Mohd. Suhaimie Sahabuddin dan Penolong Pendaftar, Tauffeck Haji Guntok.

Hadir sama Penyelaras PPIB KAL, Dr Romzi Atong dan Penolong Pendaftar, Haji Taufek Abd Latip.

Dr Jualang yang menghadiri mesyuarat bersama pensyarah PPIB UMSKAL mengucapkan tahniah atas kejayaan warga PPIB menerima APC dan Jasa Bakti daripada UMS.

Katanya, anugerah seperti itu merupakan peranggang untuk meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan kerjaya.

“Saya berharap warga PPIB meneruskan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan khususnya pelajar,” katanya.-OLEH JAINUDIN DJIMIN